Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2026, Vol.11(1), hlm.137-160
e-ISSN: 2600-8726© Stephaly Levong Eyommos & Bilcher Bala
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

TRANSFORMASI BUDAYA DAN KELESTARIAN IDENTITI MASYARAKAT KENYAH DI BELAGA, SARAWAK, 1946-2024

Cultural Transformation and Identity Continuity among the Kenyah Community in Belaga, Sarawak, 1946-2024

Stephaly Levong Eyommos[1] & Bilcher Bala[*2]

[1 & 2] Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
*Corresponding author: bilcher@ums.edu.my

Dihantar: 16 Ogos 2026 / Penambahbaikan: 28 September 2026
Diterima: 29 Oktober 2026 / Terbit: 31 Disember 2026

Abstrak

Artikel ini membincangkan transformasi budaya dan kelestarian identiti masyarakat Kenyah di Belaga, Sarawak antara 1946-2024. Kajian bertujuan menjelaskan latar sejarah dan pembentukan identiti budaya Kenyah, menganalisis bentuk budaya yang menjadi asas kehidupan komuniti, serta menilai faktor yang mendorong perubahan budaya. Kajian menggunakan pendekatan sejarah sosial secara kualitatif melalui analisis sumber bertulis, pemerhatian lapangan dan keterangan informan masyarakat Kenyah. Dapatan menunjukkan bahawa identiti Kenyah dibentuk melalui hubungan antara rumah panjang, struktur kepimpinan tradisional, bahasa, adat resam dan kesenian seperti kalong, sape, Jatung Utang, Datun Julud, pakaian tradisional, tatu serta amalan berkaitan kelahiran, perkahwinan dan kematian. Namun, budaya tersebut mengalami perubahan ketara akibat pembangunan moden, khususnya pembinaan Empangan Hidroelektrik Bakun dan penempatan semula ke Sungai Asap, yang mengubah pola kediaman, hubungan sosial, kepimpinan komuniti dan kegiatan ekonomi. Proses tersebut diperkuat oleh migrasi, perkahwinan campur, pendidikan formal, perkembangan ekonomi dan penerimaan agama Kristian yang mengubah sebahagian kepercayaan, ritual dan amalan tradisional. Bahasa Kenyah turut menghadapi cabaran apabila generasi muda semakin terdedah kepada bahasa Melayu, Iban dan bahasa lain melalui pendidikan serta interaksi sosial. Walau bagaimanapun, perubahan tersebut tidak menghasilkan kehilangan identiti secara menyeluruh. Sebahagian unsur budaya terus dikekalkan, disesuaikan atau dipersembahkan dalam konteks baharu

sebagai tanda identiti dan kesinambungan komuniti. Kajian ini berhujah bahawa transformasi budaya masyarakat Kenyah merupakan proses penyesuaian selektif yang berlaku apabila pembangunan, mobiliti dan perubahan institusi menyusun semula kehidupan komuniti, sementara unsur budaya yang masih memiliki fungsi sosial dan simbolik terus dipertahankan sebagai asas identiti Kenyah.

Kata Kunci : Kenyah, Belaga, Transformasi Budaya, Empangan Bakun, Identiti, Kelestarian Budaya

Abstract

This article examines cultural transformation and identity continuity among the Kenyah community in Belaga, Sarawak between 1946-2024. The study aims to explain the historical background and formation of Kenyah cultural identity, analyse the cultural practices that constitute the foundation of community life, and assess the factors that have driven cultural change. Employing a qualitative social history approach, the study draws on written sources, field observations, and accounts provided by members of the Kenyah community. The findings show that Kenyah identity has historically been shaped by the longhouse, traditional leadership structures, language, customary practices, and cultural expressions such as kalong decorative art, sape, Jatung Utang, Datun Julud, traditional attire, tattooing, and practices associated with birth, marriage, and death. These cultural structures, however, have undergone substantial transformation as a result of modern development, particularly the construction of the Bakun Hydroelectric Dam and the resettlement of affected communities at Sungai Asap. Resettlement reorganised settlement patterns, social interaction, community leadership, and economic activities, while migration, intermarriage, formal education, economic change, and the spread of Christianity further transformed traditional beliefs and practices. The Kenyah language has also faced increasing pressure as younger generations become more exposed to Malay, Iban, and other languages through schooling and wider social interaction. Nevertheless, cultural transformation has not resulted in the complete disappearance of Kenyah identity. Selected cultural elements continue to be maintained, adapted, and reproduced in new social and ceremonial contexts as markers of collective identity. The study argues that Kenyah cultural transformation represents a process of selective adaptation in which development, mobility, and

institutional change restructure community life while cultural elements that retain social and symbolic significance continue to serve as foundations of Kenyah identity.

Keywords **:** *Kenyah, Belaga, Cultural Transformation, Bakun Dam, Identity, Cultural Continuity*

Pengenalan

Masyarakat Kenyah merupakan salah satu kelompok Orang Ulu yang mempunyai sejarah panjang berkaitan migrasi, penempatan dan pembentukan komuniti di kawasan pedalaman Borneo. Di Belaga, kehidupan masyarakat Kenyah berkembang melalui hubungan yang rapat antara rumah panjang, struktur kepimpinan tradisional, bahasa, adat resam, sistem kepercayaan dan kesenian. Rumah panjang bukan sahaja berfungsi sebagai tempat kediaman, tetapi menjadi ruang interaksi sosial, pengurusan komuniti dan pewarisan budaya. Identiti tersebut turut dizahirkan melalui seni kalong, muzik sape 'dan Jatung Utang, tarian Datun Julud, pakaian serta perhiasan tradisional, tatu, bahasa dan pelbagai adat berkaitan perkahwinan, kelahiran serta kematian. Walau bagaimanapun, perkembangan pendidikan, agama Kristian, migrasi, ekonomi, perkahwinan campur dan pembangunan berskala besar telah mengubah persekitaran sosial tempat budaya tersebut diwariskan. Pembinaan Empangan Hidroelektrik Bakun dan penempatan semula sebahagian komuniti menjadi antara perubahan paling penting kerana ia turut menyusun semula pola kediaman, hubungan sosial dan kedudukan kepimpinan tradisional. Artikel ini bermatlamat menganalisis transformasi budaya dan kelestarian identiti masyarakat Kenyah di Belaga antara 1946-2024. Secara khusus, kajian mempunyai tiga objektif, iaitu menjelaskan sejarah pembentukan dan latar budaya masyarakat Kenyah di Belaga; mengenal pasti unsur budaya yang membentuk identiti komuniti termasuk bahasa, struktur sosial, kesenian dan adat resam; serta menganalisis faktor yang mendorong perubahan budaya, khususnya pembangunan, migrasi, ekonomi, agama dan pendidikan. Melalui ketiga-tiga objektif tersebut, perubahan budaya dinilai bukan semata-mata sebagai proses kehilangan tradisi, tetapi sebagai proses sejarah yang memperlihatkan bagaimana masyarakat Kenyah menyesuaikan kehidupan mereka dengan perubahan sosial sambil mengekalkan unsur budaya yang

terus mempunyai makna dan fungsi dalam pembentukan identiti komuniti.

Permasalahan Kajian

Budaya masyarakat Kenyah di Belaga tidak boleh difahami sebagai himpunan unsur yang berdiri sendiri seperti pakaian, muzik, tarian, bahasa atau adat resam. Unsur-unsur tersebut berkembang dalam satu sistem sosial yang menghubungkan ruang kediaman, hubungan kekeluargaan, kepimpinan, kepercayaan dan kehidupan ekonomi. Rumah panjang atau uma rado/dado, misalnya, bukan sekadar bentuk seni bina tetapi merupakan ruang interaksi, perbincangan komuniti, pelaksanaan adat dan pemindahan pengetahuan antara generasi. Struktur kepimpinan yang dikaitkan dengan maren dan Maren Uma pula memperlihatkan hubungan antara kedudukan sosial dengan pengurusan komuniti. Pada masa yang sama, kesenian seperti kalong mengandungi makna yang berhubung dengan kepimpinan, perlindungan, hubungan manusia dengan alam dan kedudukan sosial. Padri dan Ramli menunjukkan bahawa motif kalong dalam kebudayaan Orang Ulu tidak sekadar bersifat dekoratif, tetapi mempunyai fungsi simbolik dan falsafah yang berkait dengan struktur masyarakat (Padri & Ramli, 2021: 136-143). Campbell et al. pula memperlihatkan bagaimana objek warisan Orang Ulu mengandungi nilai sejarah dan budaya yang berfungsi sebagai medium pembentukan identiti kolektif (Campbell et al., 2024: 722-734).

Masalah analitikal timbul apabila perubahan budaya diukur semata-mata berdasarkan kewujudan atau kehilangan bentuk luaran. Berkurangnya tatu, telinga panjang atau sesuatu ritual tidak semestinya bermaksud identiti Kenyah telah hilang secara keseluruhan. Sebaliknya, unsur budaya mempunyai fungsi dan kadar perubahan yang berbeza. Seni sape, Datun Julud, pakaian tradisional dan motif kalong masih boleh dipertahankan sebagai lambang identiti walaupun konteks penggunaannya berubah daripada kehidupan harian kepada perayaan, persembahan atau acara kebudayaan. Pada masa yang sama, unsur tertentu yang mempunyai hubungan langsung dengan struktur kepercayaan lama mungkin mengalami perubahan yang lebih mendalam selepas penerimaan agama baharu. Oleh itu, perubahan budaya perlu dinilai berdasarkan hubungan antara bentuk, fungsi dan makna sesuatu amalan, bukannya melalui ukuran yang hanya membezakan antara "tradisional" dengan "moden".

Keadaan tersebut menunjukkan bahawa budaya bukan sistem yang statik. Harsanto dan Sampurno memperlihatkan bahawa perubahan sosial masyarakat Kenyah boleh berlaku bersama usaha mengekalkan simbol budaya tertentu apabila komuniti menyesuaikan diri dengan persekitaran ekonomi dan sosial yang berubah (Harsanto & Sampurno, 2019: 47-61). Lenjan turut membincangkan transformasi sosial masyarakat Kenyah di Long San sebagai proses yang melibatkan perubahan institusi dan kehidupan komuniti, bukannya penghapusan segera terhadap keseluruhan kebudayaan (Lenjan, 2017). Dengan demikian, persoalan utama bukan sama ada masyarakat Kenyah masih "tradisional", tetapi bagaimana mereka memilih unsur budaya yang terus dianggap penting dan bagaimana unsur tersebut diberikan fungsi baharu. Maka, hipotesis utama kajian ini ialah bahawa perubahan budaya masyarakat peribumi tidak semestinya menghasilkan kehilangan identiti secara menyeluruh, tetapi berlangsung melalui proses penyesuaian selektif apabila unsur yang masih mempunyai fungsi sosial, simbolik dan identiti dikekalkan, diubah atau ditafsirkan semula mengikut perubahan persekitaran kehidupan.

Permasalahan seterusnya berkaitan dengan kesan pembangunan berskala besar terhadap struktur yang memungkinkan budaya dipraktikkan. Pembinaan Empangan Hidroelektrik Bakun bukan hanya menghasilkan perubahan fizikal terhadap landskap Belaga, tetapi turut melibatkan perpindahan komuniti, perubahan akses kepada tanah, penyusunan semula penempatan dan perubahan kegiatan ekonomi. Dalam susunan terdahulu, rumah panjang dan tanah di sekitarnya menghubungkan kehidupan sosial dengan pertanian, sungai, hutan dan jaringan kekeluargaan. Apabila komuniti dipindahkan, hubungan tersebut turut disusun semula. Tan menunjukkan bahawa pembangunan dan peminggiran yang dialami masyarakat Badeng Kenyah di Belaga mempunyai implikasi terhadap tradisi, hubungan sosial dan cara masyarakat menyesuaikan diri dengan perubahan pembangunan (Tan, 2014). Perubahan ruang dengan itu mempunyai kesan budaya kerana adat tidak dilaksanakan dalam ruang yang abstrak, tetapi berkait dengan tempat tinggal, tanah, sumber ekonomi dan hubungan harian antara anggota komuniti.

Kesan penempatan semula menjadi lebih penting apabila dikaitkan dengan perubahan autoriti dan hubungan sosial. Apabila susunan kediaman, jaringan pekerjaan dan pola interaksi berubah,

fungsi kepimpinan tradisional juga berhadapan dengan struktur pentadbiran moden. Dalam keadaan tertentu, tanggungjawab yang pernah berpusat pada Maren Uma perlu berinteraksi dengan badan pentadbiran kampung dan institusi kerajaan. Perubahan tersebut tidak semestinya menghapuskan kewibawaan pemimpin adat, tetapi mengubah ruang dan bentuk autoritinya. Pada masa yang sama, perubahan ekonomi daripada pergantungan lebih besar pada tanah, hutan dan pertanian kepada ekonomi tunai meningkatkan keperluan pekerjaan dan mobiliti. Keterangan Emmy Ngang menunjukkan bahawa pemindahan dan perubahan penggunaan tanah telah mengecilkan ruang untuk meneruskan sebahagian kegiatan pertanian serta penggunaan sumber yang pernah menjadi asas kehidupan keluarga (Emmy Ngang, temu bual, 2025). Oleh itu, pembangunan fizikal sebenarnya mempunyai kesan institusi apabila ia mengubah hubungan antara ruang, ekonomi dan organisasi sosial.

Migrasi memperluaskan lagi perubahan tersebut. Perpindahan ke bandar untuk pendidikan dan pekerjaan menghubungkan generasi muda dengan rangkaian sosial yang lebih pelbagai, tetapi pada masa yang sama mengurangkan penglibatan harian mereka dalam kegiatan komuniti. Lumenta menunjukkan bahawa mobiliti masyarakat Kenyah di pedalaman Borneo mempunyai sejarah yang panjang, tetapi bentuk mobiliti tersebut berubah apabila sempadan negara dan ekonomi kapitalis menghasilkan struktur pekerjaan serta hubungan sosial baharu (Lumenta, 2017: 1070-1098). Dalam konteks Belaga, pembangunan, penempatan semula dan migrasi dengan itu perlu dilihat sebagai proses yang saling berhubung. Maka, hipotesis khusus pertama kajian ini ialah bahawa transformasi budaya masyarakat Kenyah di Belaga dipercepat oleh interaksi antara pembangunan berskala besar, penempatan semula, migrasi dan perubahan ekonomi, kerana perubahan terhadap ruang kediaman dan sumber kehidupan turut menyusun semula hubungan sosial, kepimpinan komuniti serta konteks tempat budaya diwariskan dan diamalkan.

Permasalahan ketiga melibatkan pemindahan budaya antara generasi. Bahasa mempunyai kedudukan yang sangat penting kerana ia bukan sekadar alat komunikasi, tetapi medium untuk menyampaikan istilah kekeluargaan, pengetahuan adat, cerita, nyanyian, ritual dan pandangan dunia. Variasi antara Kenyah Badeng dengan Uma Bakah sendiri menunjukkan bahawa identiti Kenyah mengandungi kepelbagaian linguistik dalaman. Namun, apabila domain sekolah, pekerjaan dan urusan rasmi lebih banyak menggunakan bahasa

Melayu, bahasa Inggeris atau bahasa masyarakat yang lebih dominan di sesuatu kawasan, penggunaan bahasa Kenyah semakin tertumpu pada ruang keluarga dan komuniti. Ting dan Ling menunjukkan bahawa penggunaan bahasa serta sikap terhadap bahasa dalam kalangan masyarakat Kenyah berubah mengikut domain komunikasi dan pendedahan kepada bahasa lain (Ting & Ling, 2013: 460). Istianingrum turut menghubungkan kemerosotan penggunaan bahasa Kenyah dengan mobiliti, dominasi bahasa yang mempunyai prestij lebih tinggi dan penguasaan bahasa ibunda yang semakin lemah dalam kalangan generasi muda (Istianingrum, 2015).

Tekanan terhadap pewarisan budaya menjadi lebih kompleks apabila perubahan bahasa berinteraksi dengan agama dan pendidikan. Penerimaan agama Kristian membawa perubahan kepada beberapa ritual dan kepercayaan tradisional yang sebelumnya digunakan dalam kelahiran, penyembuhan, pertanian dan perlindungan spiritual. Tan menunjukkan melalui masyarakat Badeng Kenyah bahawa penerimaan Kristian membawa perubahan besar kepada kehidupan keagamaan sambil membolehkan sebahagian unsur sosial dan budaya Kenyah terus dipertahankan (Tan, 2016: 263-266). Keadaan ini memperlihatkan bahawa pertukaran agama tidak semestinya menghasilkan penghapusan identiti etnik. Sebaliknya, masyarakat membezakan unsur yang dianggap berkaitan dengan kepercayaan terdahulu daripada unsur yang masih boleh dikekalkan sebagai adat, seni atau identiti budaya. Perubahan tersebut mewujudkan satu proses rundingan antara kepercayaan baharu dengan warisan yang diterima daripada generasi terdahulu.

Pendidikan formal mempunyai kesan yang sama kompleks. Sekolah menyediakan mobiliti sosial dan akses kepada pengetahuan serta pekerjaan, tetapi penggunaan bahasa kebangsaan dan bahasa lain dalam persekitaran pendidikan mengurangkan domain formal bagi bahasa Kenyah. Pengalaman generasi muda menunjukkan bahawa pendedahan berterusan kepada bahasa lain boleh menyebabkan seseorang memahami identiti Kenyah tetapi mempunyai penguasaan bahasa ibunda yang lebih lemah. Dalam keadaan ini, identiti mungkin terus dinyatakan melalui pakaian, muzik, tarian atau perayaan sementara kemampuan menggunakan bahasa adat semakin mengecil. Perbezaan tersebut penting kerana kelestarian simbol tidak semestinya sama dengan kelestarian pengetahuan. Sesebuah pakaian tradisional boleh terus dipakai dalam pesta kebudayaan, tetapi istilah, cerita dan

peraturan sosial yang mengiringinya boleh semakin tidak diketahui jika tidak dipindahkan secara aktif kepada generasi berikutnya.

Dengan demikian, masalah kelestarian budaya bukan hanya persoalan menyimpan artifak atau mengadakan persembahan tradisional. Kelestarian bergantung pada kemampuan komuniti menjadikan bahasa, kesenian dan pengetahuan adat terus mempunyai ruang penggunaan serta makna kepada generasi muda. Perubahan agama dan pendidikan tidak semestinya perlu dilihat sebagai lawan kepada budaya kerana kedua-duanya boleh menjadi ruang baharu untuk pemindahan identiti sekiranya komuniti mempunyai kemampuan menentukan unsur yang hendak dikekalkan. Maka, hipotesis khusus kedua kajian ini ialah bahawa kelestarian identiti Kenyah semakin bergantung pada kemampuan keluarga, pemimpin komuniti dan generasi muda memindahkan bahasa, pengetahuan adat dan kesenian dalam keadaan agama Kristian, pendidikan formal, perkahwinan campur dan interaksi antara etnik mengubah sebahagian amalan tradisional; semakin kuat unsur budaya tersebut digunakan dan diberi makna dalam kehidupan semasa, semakin besar kemungkinannya untuk kekal sebagai warisan hidup dan bukannya sekadar simbol kebudayaan.

Sorotan Literatur

Literatur mengenai masyarakat Kenyah memperlihatkan bahawa identiti etnik tidak terbentuk hanya melalui keturunan, tetapi melalui hubungan antara bahasa, struktur sosial, ruang kediaman, adat, kesenian dan pengalaman sejarah. Dalam masyarakat pedalaman Borneo, mobiliti dan pembentukan penempatan telah lama menjadi sebahagian daripada kehidupan sosial, menyebabkan identiti komuniti sentiasa berinteraksi dengan perubahan ruang dan hubungan antara kelompok. Schiller menunjukkan bahawa pembentukan identiti Dayak di Kalimantan bukan proses yang statik, tetapi berkait dengan perubahan organisasi, politik dan cara masyarakat mentafsir kedudukan mereka dalam persekitaran sosial yang lebih luas (Schiller, 2007: 63-95). Perspektif ini penting bagi masyarakat Kenyah kerana sejarah migrasi dan pembentukan lepo' menunjukkan bahawa identiti mereka berkembang melalui jaringan komuniti yang melangkaui sempadan pentadbiran moden.

Mobiliti masyarakat Kenyah perlu ditempatkan dalam sejarah ruang pedalaman Borneo yang saling berhubung. Lumenta menunjukkan bahawa jaringan masyarakat Kenyah pada asalnya berkembang melalui laluan sungai, perdagangan, migrasi dan hubungan sosial yang melangkaui sempadan politik antara Sarawak dengan Kalimantan (Lumenta, 2011: 121-145). Perubahan sempadan dan perkembangan ekonomi moden kemudiannya menyusun semula bentuk mobiliti tersebut. Dalam kajian lain, Lumenta memperlihatkan bahawa campur tangan pentadbiran kolonial terhadap peperangan dan ngayau di Borneo Tengah turut mengubah hubungan politik antara komuniti Kenyah dan pusat pemerintahan yang semakin berkembang (Lumenta, 2017: 1070-1098). Kedua-dua penelitian ini menunjukkan bahawa perubahan budaya Kenyah tidak bermula dengan globalisasi kontemporari, tetapi mempunyai sejarah panjang yang berkaitan dengan mobiliti, pembentukan kuasa dan penyesuaian terhadap perubahan wilayah.

Dalam aspek organisasi sosial, perubahan ruang kediaman mempunyai kesan penting kerana rumah panjang bukan hanya tempat tinggal. Ia mengatur hubungan antara keluarga, kepimpinan, aktiviti ekonomi dan pelaksanaan adat. Perubahan penempatan dengan itu boleh mempengaruhi cara autoriti sosial dilaksanakan dan bagaimana interaksi antara generasi berlaku. Harsanto dan Sampurno menunjukkan bahawa perubahan kehidupan masyarakat Kenyah di Desa Budaya Pampang melibatkan penyesuaian terhadap pekerjaan, kediaman dan hubungan dengan ekonomi moden, namun sebahagian simbol kebudayaan masih dipertahankan sebagai penanda identiti (Harsanto & Sampurno, 2019: 47-61). Kajian tersebut berguna secara perbandingan kerana memperlihatkan bahawa transformasi institusi sosial tidak semestinya menghapuskan keseluruhan identiti etnik. Sebaliknya, unsur budaya tertentu boleh memperoleh fungsi baharu apabila konteks sosial berubah.

Kesenian merupakan salah satu ruang paling jelas bagi proses tersebut. Padri dan Ramli menunjukkan bahawa kalong dalam masyarakat Orang Ulu tidak semata-mata mempunyai nilai estetika. Motif flora, fauna, manusia dan kosmos mengandungi makna berkaitan kepimpinan, perlindungan, keseimbangan serta hubungan antara manusia dengan alam dan kepercayaan tradisional (Padri & Ramli, 2021: 136-143). Hal ini bermaksud perubahan penggunaan kalong tidak boleh dinilai hanya berdasarkan sama ada motif tersebut masih

diukir pada struktur tradisional. Apabila motif berpindah kepada pakaian, alat muzik, kraf tangan atau persembahan budaya, bentuk penggunaannya mungkin berubah tetapi fungsi identitinya boleh terus bertahan. Justeru, seni menjadi salah satu medium yang membolehkan masyarakat menyesuaikan warisan dengan keadaan baharu.

Hubungan antara objek budaya dengan identiti turut diperlihatkan oleh Campbell et al. melalui penelitian terhadap warisan Orang Ulu. Mereka menunjukkan bahawa objek pusaka mengandungi sejarah keluarga, status, pengalaman komuniti dan nilai simbolik yang melampaui fungsi material sesuatu benda (Campbell et al., 2024: 722-734). Perspektif ini relevan terhadap sape, Jatung Utang, pakaian, perhiasan, ukiran dan objek adat masyarakat Kenyah. Apabila benda tersebut digunakan dalam festival atau acara rasmi, fungsinya mungkin beralih daripada kegunaan harian kepada representasi identiti. Perubahan fungsi tersebut tidak semestinya menjadikan objek itu kurang autentik, tetapi menimbulkan persoalan sama ada pengetahuan tentang makna, teknik pembuatan dan konteks sosialnya masih dipindahkan bersama objek tersebut.

Bahasa pula mempunyai kedudukan yang lebih sensitif kerana kehilangan penggunaan harian boleh menjejaskan pemindahan pengetahuan yang tidak mudah digantikan oleh simbol visual. Istianingrum mengaitkan kemerosotan bahasa Kenyah dengan mobiliti, dominasi bahasa yang mempunyai prestij lebih tinggi, media dan penguasaan bahasa ibunda yang semakin lemah dalam kalangan generasi muda (Istianingrum, 2015). Masalah ini menjadi lebih penting kerana bahasa Kenyah sendiri mempunyai variasi dalaman mengikut kelompok. Oleh itu, perubahan bahasa tidak hanya bermakna peralihan kepada bahasa Melayu atau bahasa lain, tetapi juga boleh menghasilkan perubahan dalam hubungan antara variasi bahasa Kenyah. Kelestarian bahasa dengan demikian bergantung pada kewujudan domain penggunaan sebenar dalam keluarga, komuniti, adat dan kesenian, bukan sekadar pengenalan terhadap beberapa perkataan sebagai lambang identiti.

Bahasa juga berkait rapat dengan sistem sosial dan adat kematian. GhostenWan dan Syed Jaafar menunjukkan bahawa sistem panggilan kematian dalam masyarakat Kenyah Badeng mempunyai fungsi yang berhubung dengan hubungan kekeluargaan, status seseorang selepas kematian ahli keluarga dan aturan interaksi sosial

(GhostenWan & Syed Jaafar, 2020: 135-151). Penelitian tersebut memperlihatkan bahawa bahasa menyimpan struktur sosial. Jika istilah khusus semakin tidak digunakan, yang hilang bukan sekadar kosa kata tetapi sebahagian daripada cara masyarakat mengklasifikasikan hubungan kekeluargaan dan memahami kedudukan seseorang dalam komuniti. Oleh itu, perubahan bahasa perlu dianalisis bersama perubahan adat dan hubungan sosial.

Agama merupakan satu lagi dimensi penting dalam literatur transformasi Kenyah. Tan menunjukkan bahawa penerimaan agama Kristian dalam kalangan Badeng Kenyah membawa perubahan terhadap kepercayaan dan ritual tradisional, tetapi proses tersebut tidak menghasilkan penghapusan keseluruhan identiti etnik (Tan, 2016: 263-266). Sebahagian ritual yang bertentangan dengan ajaran Kristian ditinggalkan atau diganti, sedangkan bahasa, hubungan kekeluargaan, pakaian, muzik dan unsur sosial lain boleh terus dikekalkan. Proses ini penting kerana membezakan perubahan agama daripada asimilasi budaya. Kepercayaan boleh berubah secara mendalam tanpa menyebabkan seseorang berhenti mengidentifikasikan dirinya sebagai Kenyah.

Perubahan tersebut turut dapat dilihat melalui tradisi lisan. Liau menunjukkan bahawa mantera pernah mempunyai fungsi dalam perubatan, pertanian, perlindungan dan pelbagai aspek kehidupan tradisional Kenyah, tetapi pengamalannya semakin berkurang akibat Kristianisasi, pendidikan moden dan perkembangan sistem perubatan baharu (Liau, 2025: 11). Keadaan ini menggambarkan bagaimana perubahan institusi boleh mengalihkan fungsi budaya. Apabila klinik menggantikan sebahagian peranan perubatan tradisional atau doa Kristian menggantikan mantera tertentu, kehilangan amalan tersebut bukan hanya perubahan ritual tetapi perubahan terhadap siapa yang mempunyai pengetahuan dan autoriti dalam komuniti. Oleh itu, agama dan pendidikan perlu dianalisis sebagai proses yang menyusun semula sistem pengetahuan, bukan sekadar faktor luaran yang "menghakis" budaya.

Pembangunan berskala besar membawa dimensi yang berbeza kerana ia mengubah ruang fizikal tempat budaya berkembang. Kajian tentang projek hidroelektrik menunjukkan bahawa pemindahan komuniti boleh menghasilkan perubahan terhadap kediaman, ekonomi, penggunaan tanah dan hubungan sosial. Sum menunjukkan secara perbandingan bahawa pembangunan empangan mempunyai implikasi

bukan sahaja pada infrastruktur dan ekonomi, tetapi juga pada adat, budaya serta kesejahteraan komuniti peribumi (Sum, 2024: 40-53). Dalam konteks Belaga, isu ini menjadi lebih signifikan kerana perpindahan berkaitan pembangunan bukan sekadar perubahan lokasi. Apabila hubungan dengan tanah, sungai, rumah panjang dan sumber ekonomi berubah, konteks sosial yang menyokong amalan budaya juga berubah. Dengan itu, kesan Empangan Bakun perlu dianalisis sebagai transformasi sosio-budaya, bukannya hanya sebagai isu pemindahan penduduk.

Secara keseluruhannya, literatur memperlihatkan tiga kecenderungan utama. Pertama, kajian tentang identiti, mobiliti dan organisasi sosial menunjukkan bahawa budaya Kenyah sentiasa mempunyai kemampuan menyesuaikan diri dengan perubahan sejarah. Kedua, penelitian tentang bahasa, seni, adat dan agama memperlihatkan bahawa kadar perubahan berbeza antara satu unsur dengan unsur yang lain; sesuatu ritual boleh berkurang sedangkan kesenian atau simbol identiti masih bertahan. Ketiga, kajian mengenai pembangunan dan ekonomi menunjukkan bahawa perubahan ruang serta sumber kehidupan boleh menyusun semula institusi sosial yang menjadi tempat budaya diwariskan. Artikel ini menghubungkan ketiga-tiga kecenderungan tersebut melalui konsep penyesuaian selektif dengan menilai bagaimana pembangunan, mobiliti, agama dan pendidikan mengubah struktur kehidupan masyarakat Kenyah, serta mengapa bahasa, kesenian dan adat tertentu terus mempunyai kemampuan bertahan sebagai warisan hidup.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah sosial secara kualitatif untuk menganalisis perubahan budaya masyarakat Kenyah di Belaga. Pengumpulan data dilakukan melalui tiga kaedah utama, iaitu kajian kepustakaan, pemerhatian lapangan dan sumber lisan. Kajian kepustakaan digunakan untuk membina konteks sejarah serta meneliti perubahan masyarakat Kenyah melalui buku, artikel jurnal, laporan, kertas kerja dan bahan akademik berkaitan budaya, bahasa, pembangunan, agama dan migrasi. Bahan diperoleh melalui Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Sarawak serta pangkalan sumber dalam talian seperti Google Scholar dan JSTOR. Kaedah ini digunakan untuk membandingkan

perkembangan budaya Kenyah dengan perubahan struktur sosial dan ekonomi yang lebih luas.

Pemerhatian lapangan dilakukan di Belaga, khususnya di kawasan penempatan masyarakat Kenyah seperti Sang Anau Long Bulan. Pemerhatian memberi perhatian kepada penggunaan bahasa ibunda, pakaian tradisional, rumah panjang, perhiasan, seni budaya dan bentuk penyesuaian budaya dalam kehidupan semasa. Kaedah ini penting kerana sebahagian perubahan budaya tidak mudah dikenal pasti hanya melalui sumber bertulis. Penggunaan pakaian tradisional, misalnya, dapat dinilai bukan sekadar berdasarkan kewujudannya, tetapi melalui konteks penggunaannya, sama ada sebagai pakaian harian, pakaian upacara atau simbol identiti dalam acara tertentu. Begitu juga rumah panjang dan persekitaran penempatan dapat diperhatikan sebagai ruang sosial yang memperlihatkan perubahan hubungan antara kediaman, komuniti dan budaya.

Sumber lisan digunakan untuk memperincikan aspek budaya yang masih bergantung pada ingatan, pengalaman dan pengetahuan komuniti. Ayon Dato memberikan keterangan mengenai asal usul, rumah panjang dan sejarah kelompok Kenyah. Eyommos Ngang digunakan untuk menjelaskan struktur kepimpinan, adat kematian, sistem ngadan lomo serta perubahan yang berkaitan dengan pemindahan komuniti dan adat perkahwinan. Emmy Ngang memberikan maklumat mengenai budaya Kenyah dan perubahan terhadap tanah serta kegiatan ekonomi selepas penempatan semula. Echan Bilong digunakan untuk menjelaskan tradisi tatu dan telinga panjang, manakala Robinso Oso memberikan keterangan mengenai perubahan kepercayaan, agama dan budaya di Long Busang. Informan A pula digunakan bagi menjelaskan perubahan budaya di kawasan yang sama. Omri Sarimanus memberikan pengalaman generasi muda berkaitan pendidikan dan pendedahan kepada bahasa Iban di sekolah. Senarai sumber asal hanya memberikan tahun 2025 bagi sebahagian besar temu bual tanpa tarikh penuh, maka sitasi lisan dalam artikel akan menggunakan tahun sahaja dan tidak mereka tarikh yang tidak direkodkan.

Analisis dilakukan secara kronologis dan tematik dengan membandingkan sumber bertulis, pemerhatian dan keterangan lisan. Bahan disusun berdasarkan tiga fokus utama, iaitu pembentukan identiti budaya melalui rumah panjang, kepimpinan, bahasa, adat dan

kesenian; perubahan yang terhasil daripada pembangunan berskala besar, penempatan semula, migrasi serta ekonomi; dan cabaran pemindahan budaya melalui bahasa, agama, pendidikan serta hubungan antara generasi. Kaedah rujuk silang digunakan untuk menilai kesesuaian antara ingatan informan dengan sumber bertulis dan pemerhatian lapangan. Pendekatan ini membolehkan kajian membezakan antara unsur budaya yang semakin berkurang, unsur yang berubah fungsi dan unsur yang masih dikekalkan sebagai identiti, sekali gus menyediakan asas untuk menguji ketiga-tiga hipotesis kajian.

Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa transformasi budaya masyarakat Kenyah di Belaga tidak berlaku melalui kehilangan tradisi secara seragam. Sebaliknya, perubahan berlaku secara berlapis apabila struktur kediaman, kegiatan ekonomi, agama, pendidikan dan mobiliti mengubah konteks sosial tempat budaya diamalkan. Dalam keadaan tersebut, sebahagian ritual dan amalan semakin berkurangan, manakala bahasa, kesenian, pakaian dan simbol tertentu terus dipertahankan atau diberikan fungsi baharu. Pembinaan Empangan Hidroelektrik Bakun menjadi pemangkin penting kerana penempatan semula bukan sahaja memindahkan komuniti secara fizikal, tetapi menyusun semula hubungan antara rumah panjang, kepimpinan, tanah, pekerjaan dan jaringan sosial. Oleh itu, perubahan budaya Kenyah perlu dinilai melalui hubungan antara fungsi, makna dan proses pemindahan budaya, bukannya melalui ukuran mudah sama ada sesuatu tradisi masih wujud dalam bentuk asal.

Budaya Kenyah sebagai Sistem Sosial dan Proses Penyesuaian Selektif

Hipotesis utama menyatakan bahawa perubahan budaya masyarakat peribumi tidak semestinya menghasilkan kehilangan identiti secara menyeluruh, tetapi berlaku melalui penyesuaian selektif apabila unsur yang masih mempunyai fungsi sosial dan simbolik terus dipertahankan atau ditafsirkan semula. Dapatan menyokong hipotesis tersebut kerana budaya Kenyah memperlihatkan hubungan yang rapat antara struktur sosial dengan simbol kebudayaan. Uma rado/dado secara tradisional merupakan pusat kediaman, keselamatan, interaksi dan kehidupan

kolektif. Menurut Ayon Dato, struktur rumah panjang yang dibina tinggi pada masa dahulu turut mempunyai fungsi perlindungan kepada kanak-kanak, wanita dan golongan tua daripada ancaman musuh serta binatang liar (Ayon Dato, temu bual, 2025). Dalam struktur yang sama, golongan paren atau maren dan Maren Uma mempunyai kedudukan tertentu dalam kepimpinan komuniti. Dengan itu, rumah panjang, kepimpinan dan hubungan kekeluargaan membentuk ruang tempat adat, bahasa dan pengetahuan budaya diwariskan secara serentak.

Kesenian memperlihatkan dengan lebih jelas bahawa fungsi budaya boleh berubah tanpa kehilangan keseluruhan nilai identiti. Kalong, misalnya, bukan sekadar hiasan kerana motifnya membawa makna berkaitan kepimpinan, perlindungan, status dan hubungan manusia dengan alam (Padri & Ramli, 2021: 136-143). Begitu juga sape, Jatung Utang dan Datun Julud yang secara tradisional mempunyai kedudukan dalam kehidupan komuniti dan acara adat. Dalam kehidupan semasa, sebahagian bentuk kesenian tersebut semakin banyak dipersembahkan dalam festival, sambutan awam, program kebudayaan dan ruang pelancongan. Perubahan ini membawa dua implikasi. Pada satu sisi, kesenian memperoleh ruang baharu untuk terus dikenali; pada sisi lain, fungsi ritual dan pengetahuan kontekstual yang pernah mengiringinya boleh semakin berkurangan. Campbell et al. menegaskan bahawa objek warisan Orang Ulu membawa nilai sejarah dan identiti yang tidak dapat dipisahkan daripada pengalaman sosial pemiliknya (Campbell et al., 2024: 722-734). Oleh itu, kelangsungan bentuk visual tidak semestinya menjamin kelangsungan keseluruhan sistem makna.

Tatu dan telinga panjang menunjukkan bentuk penyesuaian yang lebih drastik. Dalam susunan terdahulu, kedua-duanya mempunyai hubungan dengan status, estetika dan kedudukan sosial tertentu. Echan Bilong mengingati bahawa pemanjangan telinga dilakukan sejak kecil dan dalam pengalamannya berkait dengan latar paren (Echan Bilong, temu bual, 2025). Namun, mobiliti ke bandar dan tuntutan pekerjaan mengubah nilai praktikal amalan tersebut. Beliau turut menjelaskan bahawa sebahagian individu memendekkan telinga atau mengelakkan tatu kerana penampilan tersebut boleh menimbulkan kesukaran ketika mencari pekerjaan (Echan Bilong, temu bual, 2025). Perubahan ini menunjukkan bahawa sesuatu simbol budaya boleh kehilangan fungsi sosial asal apabila berhadapan dengan

norma pekerjaan dan penilaian masyarakat luar. Pada masa yang sama, motif tatu dan imej telinga panjang masih boleh terus digunakan dalam seni, fotografi dan representasi budaya, menunjukkan bahawa kehilangan amalan tubuh tidak semestinya menghapuskan simbolnya daripada identiti kolektif.

Dengan demikian, transformasi budaya Kenyah tidak boleh dinilai melalui formula bahawa semakin banyak unsur lama ditinggalkan, semakin lemah identiti etnik. Sebahagian unsur memang mengalami kemerosotan praktikal, tetapi unsur lain berubah daripada fungsi ritual atau kehidupan harian kepada fungsi representasi dan identiti. Proses ini menghasilkan ketegangan antara kesinambungan makna dengan kesinambungan bentuk. Jika kalong, sape atau pakaian tradisional hanya dipersembahkan kepada khalayak tanpa pengetahuan mengenai sejarah dan fungsi sosialnya, budaya mungkin terus kelihatan tetapi kandungan pengetahuannya semakin menipis. Namun, jika bentuk baharu masih dihubungkan dengan cerita, bahasa, teknik dan identiti komuniti, adaptasi boleh menjadi mekanisme kesinambungan. Oleh itu, hipotesis utama diterima bahawa perubahan budaya Kenyah berlaku melalui penyesuaian selektif, tetapi ketahanan identiti bergantung pada sejauh mana perubahan bentuk masih mengekalkan hubungan dengan makna dan pemilikan budaya oleh komuniti.

Empangan Bakun, Penempatan Semula dan Penyusunan Semula Kehidupan Komuniti

Hipotesis khusus pertama menyatakan bahawa transformasi budaya dipercepat oleh hubungan antara pembangunan berskala besar, penempatan semula, migrasi dan perubahan ekonomi kerana perubahan ruang turut menyusun semula hubungan sosial serta kepimpinan komuniti. Dapatan memberikan sokongan yang kuat kepada hipotesis ini. Sebelum penempatan semula, kehidupan masyarakat Kenyah di hulu Sungai Balui berkait rapat dengan rumah panjang, sungai, kawasan pertanian dan sumber hutan. Ruang tersebut bukan hanya sumber ekonomi, tetapi menjadi sebahagian daripada sistem sosial kerana keluarga tinggal berdekatan, berkongsi ruang dan berinteraksi dalam kegiatan harian. Selepas pembinaan Empangan Bakun dan perpindahan sebahagian komuniti ke Sungai Asap, perubahan bentuk penempatan mengurangkan sebahagian daripada interaksi harian yang sebelumnya terbina melalui rumah

panjang. Dalam beberapa keadaan, peranan Maren Uma turut berinteraksi dengan struktur pentadbiran moden seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, menyebabkan autoriti tradisional tidak lagi beroperasi dalam ruang institusi yang sama.

Keterangan Eyommos Ngang memperlihatkan bahawa penempatan semula juga memerlukan rundingan politik pada peringkat komuniti. Dalam kes Long Bulan, Maren Uma terlibat dalam perundingan berkaitan pemindahan, sementara keputusan akhirnya menghasilkan pembahagian komuniti apabila sebahagian besar penduduk berpindah ke kawasan yang disediakan dan sebahagian yang lain menetap di Sang Anau (Eyommos Ngang, temu bual, 2025). Keadaan ini menunjukkan bahawa pembangunan bukan sahaja menghasilkan perpindahan penduduk, tetapi boleh mengubah geografi hubungan kekeluargaan dan kewibawaan pemimpin. Apabila komuniti yang sebelumnya berkongsi ruang terbahagi kepada lokasi berbeza, proses pelaksanaan adat, gotong-royong dan pemindahan pengetahuan turut berhadapan dengan keadaan baharu. Oleh itu, kesan pembangunan tidak boleh diukur hanya melalui jumlah rumah, jalan atau kemudahan yang disediakan kerana perubahan budaya berlaku melalui perubahan hubungan sosial yang mengiringi pembangunan fizikal.

Perubahan tanah dan ekonomi mengukuhkan kesan tersebut. Emmy Ngang menjelaskan bahawa sebelum penempatan semula, keluarga mempunyai ruang tanah yang lebih luas untuk kegiatan pertanian dan penggunaan sumber tempatan, sedangkan selepas pemindahan sebahagian kawasan sekitar semakin berkait dengan kegiatan perladangan serta industri lain (Emmy Ngang, temu bual, 2025). Perubahan ini mengurangkan keupayaan sesetengah keluarga meneruskan corak sara hidup terdahulu dan meningkatkan pergantungan terhadap ekonomi tunai. Apabila pekerjaan, makanan, pendidikan dan pengangkutan semakin memerlukan wang, masa yang tersedia untuk kegiatan kolektif dan adat juga berubah. Majlis yang sebelumnya berlangsung selama beberapa hari boleh diringkaskan kerana kos dan tuntutan pekerjaan. Perubahan ekonomi dengan demikian bukan sekadar pertukaran daripada pertanian kepada pekerjaan bergaji, tetapi proses yang menukar nilai masa, ruang dan tenaga yang boleh digunakan untuk kegiatan budaya.

Migrasi ke bandar selanjutnya menghubungkan perubahan ekonomi dengan perubahan gaya hidup. Individu yang berhijrah untuk pendidikan atau pekerjaan terdedah kepada norma sosial yang berbeza dan mempunyai ruang yang lebih terbatas untuk melaksanakan amalan rumah panjang. Dalam keadaan tersebut, penyesuaian pakaian, bahasa, tatu, telinga panjang dan bentuk majlis menjadi sebahagian daripada strategi untuk bergerak dalam persekitaran baharu. Namun, migrasi tidak semestinya memutuskan identiti Kenyah kerana hubungan keluarga, perjalanan pulang dan penyertaan dalam perayaan masih boleh menghubungkan individu dengan komuniti asal. Persoalannya ialah kekerapan dan kedalaman penglibatan tersebut. Berdasarkan hubungan antara penempatan semula, perubahan tanah, ekonomi dan mobiliti, hipotesis khusus pertama diterima bahawa pembangunan berskala besar menjadi pemangkin yang kuat kerana ia menyusun semula ruang fizikal yang sebelumnya menyokong hubungan sosial, manakala migrasi dan ekonomi tunai mempercepat perubahan terhadap cara budaya diamalkan.

Agama, Bahasa dan Pemindahan Identiti antara Generasi

Hipotesis khusus kedua menyatakan bahawa kelestarian identiti Kenyah semakin bergantung pada kemampuan keluarga dan komuniti memindahkan bahasa, pengetahuan adat dan kesenian dalam keadaan agama, pendidikan dan interaksi antara etnik mengubah sebahagian amalan tradisional. Dapatan menunjukkan bahawa agama merupakan salah satu faktor yang paling jelas mengubah ritual, tetapi bukan keseluruhan identiti Kenyah. Robinso Oso menerangkan bahawa ritual yang berkaitan dengan penyembahan roh nenek moyang dan alam tidak lagi diamalkan dalam komuniti yang telah menerima Kristian atau Islam, sedangkan pakaian tradisional, tarian dan muzik Kenyah masih digunakan dalam sambutan seperti Krismas dan Hari Raya (Robinso Oso, temu bual, 2025). Corak tersebut menunjukkan pemisahan antara fungsi teologi dengan fungsi identiti. Sesuatu ritual boleh ditinggalkan kerana tidak lagi sesuai dengan kepercayaan agama, sementara kesenian yang tidak dianggap bercanggah dapat diteruskan dalam konteks baharu. Tan menunjukkan pola yang sebanding dalam kalangan Badeng Kenyah apabila penerimaan Kristian membawa perubahan keagamaan yang besar tanpa menghapuskan keseluruhan identiti sosial Kenyah (Tan, 2016: 263-266).

Adat perkahwinan, kematian dan kelahiran memperlihatkan bentuk perundingan yang sama. Upacara gereja dan doa semakin menggantikan sebahagian ritual tradisional, manakala sistem rawatan hospital dan program kesihatan ibu-anak mengecilkan fungsi beberapa amalan kelahiran terdahulu. Namun, adat tidak hilang sepenuhnya. Keterangan Eyommos Ngang menunjukkan bahawa dalam keadaan tertentu, hukuman adat masih digunakan terhadap pasangan yang dianggap melanggar norma komuniti walaupun perkahwinan Kristian telah menjadi penting dalam kehidupan masyarakat (Eyommos Ngang, temu bual, 2025). Sistem ngadan lomo juga menunjukkan bagaimana bahasa adat masih membawa maklumat mengenai hubungan kekeluargaan dan status selepas kematian. GhostenWan dan Syed Jaafar menunjukkan bahawa nama panggilan berkaitan kematian dalam masyarakat Kenyah berfungsi sebagai penanda hubungan sosial dan identiti kekeluargaan (GhostenWan & Syed Jaafar, 2020: 135-151). Oleh itu, perubahan ritual agama tidak semestinya menghapuskan keseluruhan struktur sosial yang dikandung oleh adat.

Bahasa merupakan cabaran yang lebih mendalam kerana ia menjadi medium kepada hampir seluruh bentuk pengetahuan budaya. Apabila generasi muda semakin banyak menggunakan bahasa Melayu, Iban atau bahasa lain melalui sekolah, pekerjaan dan hubungan antara etnik, domain penggunaan bahasa Kenyah menjadi lebih sempit. Masalahnya bukan sekadar kehilangan kosa kata harian. Istilah seperti Maren Uma, ngadan lomo dan nama motif tertentu mengandungi konsep sosial yang mungkin sukar diterjemahkan secara sempurna ke dalam bahasa lain. Ting dan Ling menunjukkan bahawa pilihan bahasa masyarakat Kenyah berubah mengikut domain sosial dan pendedahan kepada bahasa yang mempunyai fungsi lebih luas dalam pendidikan dan komunikasi antara etnik (Ting & Ling, 2013: 460). Dengan itu, seseorang boleh terus mengidentifikasi dirinya sebagai Kenyah melalui pakaian atau perayaan sambil semakin kurang mampu menggunakan bahasa yang menjadi medium kepada pengetahuan adat.

Keadaan ini menunjukkan bahawa kelestarian identiti tidak boleh bergantung kepada persembahan budaya sahaja. Festival, tarian, pakaian dan sape memang penting kerana memberikan ruang awam kepada identiti Kenyah, tetapi kelestarian yang lebih mendalam memerlukan penggunaan bahasa di rumah, pemindahan cerita dan pengetahuan adat, pembelajaran teknik kesenian serta penyertaan generasi muda dalam kehidupan komuniti. Liau menunjukkan bahawa

tradisi mantera semakin berkurangan apabila pengetahuan tersebut hanya dikuasai oleh generasi tua dan fungsi asalnya digantikan oleh agama serta sistem pengetahuan moden (Liau, 2025: 11-13). Risiko yang sama boleh berlaku kepada unsur budaya lain jika proses pewarisan terputus. Maka, hipotesis khusus kedua diterima bahawa kelestarian identiti Kenyah bergantung semakin kuat pada kemampuan komuniti mengubah pendidikan, keluarga, agama dan ruang kebudayaan menjadi saluran pemindahan pengetahuan. Budaya yang terus dipersembahkan tetapi tidak lagi difahami mempunyai ketahanan simbolik; budaya yang masih digunakan, diajarkan dan dimaknai oleh generasi muda mempunyai peluang lebih besar untuk kekal sebagai warisan hidup.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa transformasi budaya masyarakat Kenyah di Belaga tidak berlaku sebagai proses kehilangan identiti secara menyeluruh. Budaya Kenyah terbentuk melalui hubungan antara sejarah migrasi dan penempatan, rumah panjang, struktur kepimpinan tradisional, bahasa, kesenian, adat resam dan sistem kepercayaan. Unsur seperti kalong, sape, Jatung Utang, Datun Julud, pakaian tradisional, tatu, telinga panjang serta adat berkaitan perkahwinan, kematian dan kelahiran memperlihatkan bahawa identiti Kenyah mempunyai dimensi sosial, simbolik dan material yang saling berkaitan. Namun, unsur-unsur tersebut tidak mempunyai kadar ketahanan yang sama. Sebahagiannya semakin jarang diamalkan, sebahagian berubah fungsi, manakala yang lain terus digunakan sebagai penanda identiti dalam kehidupan komuniti dan acara kebudayaan.

Hipotesis utama diterima kerana perubahan budaya terbukti berlaku melalui proses penyesuaian selektif. Berkurangnya sesuatu ritual atau amalan tidak secara automatik bermaksud identiti Kenyah turut hilang. Tatu dan telinga panjang, misalnya, semakin kurang menjadi amalan tubuh dalam kehidupan semasa, tetapi masih mempunyai nilai simbolik dalam representasi budaya. Kesenian seperti sape, tarian tradisional dan motif kalong pula terus mendapat ruang dalam acara sosial dan kebudayaan walaupun konteks penggunaannya telah berubah. Keadaan ini menunjukkan bahawa kesinambungan budaya lebih tepat dinilai berdasarkan hubungan antara bentuk, fungsi

dan makna sesuatu unsur daripada berdasarkan keserupaan sepenuhnya dengan amalan generasi terdahulu.

Hipotesis khusus pertama turut diterima. Pembangunan berskala besar, khususnya pembinaan Empangan Hidroelektrik Bakun dan proses penempatan semula, menjadi pemangkin penting kepada penyusunan semula kehidupan masyarakat Kenyah. Perubahan daripada pola penempatan yang berpusat pada rumah panjang kepada susunan kediaman yang berbeza memberi kesan terhadap interaksi harian, kedudukan kepimpinan tradisional dan hubungan komuniti dengan tanah serta sumber ekonomi. Migrasi dan perkembangan ekonomi tunai kemudian memperluaskan perubahan tersebut apabila pendidikan dan pekerjaan mendorong sebahagian anggota komuniti berpindah keluar serta menyesuaikan gaya hidup dengan persekitaran baharu. Oleh itu, perubahan budaya tidak hanya berpunca daripada kemasukan idea moden, tetapi juga daripada perubahan material terhadap ruang, sumber kehidupan dan jaringan sosial tempat budaya sebelumnya diamalkan.

Hipotesis khusus kedua juga diterima kerana kelestarian identiti Kenyah semakin bergantung pada proses pemindahan budaya antara generasi. Penerimaan agama Kristian mengubah sebahagian ritual dan sistem kepercayaan, manakala pendidikan formal serta interaksi antara etnik memperluaskan penggunaan bahasa Melayu, Iban dan bahasa lain. Perubahan tersebut memberi tekanan terutama kepada bahasa Kenyah kerana berkurangnya penggunaan harian boleh membawa kepada kehilangan istilah, pengetahuan adat dan cara memahami hubungan sosial yang terkandung dalam bahasa. Namun, agama dan pendidikan tidak semestinya menjadi kuasa yang menghapuskan identiti. Kedua-duanya juga boleh menjadi ruang baharu bagi masyarakat mengekalkan kesenian, pakaian, bahasa dan pengetahuan budaya jika proses pewarisan dilakukan secara sedar oleh keluarga, pemimpin komuniti dan generasi muda.

Secara keseluruhannya, pengalaman masyarakat Kenyah di Belaga menunjukkan bahawa perubahan dan kelestarian bukan dua proses yang semestinya bertentangan. Pembangunan, mobiliti, agama, pendidikan dan ekonomi memang mengubah bentuk kehidupan masyarakat, tetapi komuniti masih mempunyai keupayaan memilih, menyesuaikan dan memberikan makna baharu kepada warisan mereka. Cabaran yang lebih besar ialah memastikan budaya tidak

hanya bertahan sebagai simbol visual atau persembahan, tetapi terus difahami melalui bahasa, sejarah, pengetahuan adat dan penyertaan masyarakat sendiri. Dengan demikian, kelestarian identiti Kenyah bergantung bukan pada usaha membekukan budaya dalam bentuk terdahulu, tetapi pada kemampuan komuniti memastikan unsur yang diwariskan terus mempunyai fungsi, makna dan pemilikannya dalam kehidupan generasi semasa dan akan datang.

Penghargaan

Artikel ini diolah dan dikembangkan daripada hasil penyelidikan Latihan Ilmiah pelajar Program Sejarah. Penghasilan manuskrip ini merupakan usaha kolaboratif bersama Prof. Madya Dr. Bilcher Bala selaku penyelia, yang telah menyumbangkan idea, semakan terperinci, serta komitmen penuh dalam menyunting dan mempertingkatkan kualiti artikel ini sehingga berjaya diterbitkan. Pengarang juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ayon Dato, Eyommos Ngang, Emmy Ngang, Echan Bilong, Robinso Oso dan Omri Sarimanus atas kesudian berkongsi pengetahuan, pengalaman dan ingatan berkaitan sejarah serta budaya masyarakat Kenyah. Maklumat yang dikongsikan telah membantu memperjelas sejarah penempatan, struktur kepimpinan, adat resam, bahasa, kesenian, kepercayaan, tatu, tradisi telinga panjang serta perubahan kehidupan komuniti akibat pembangunan, pendidikan, agama, migrasi dan perubahan ekonomi. Pengarang turut menghargai kerjasama masyarakat Kenyah di Sang Anau Long Bulan, Long Busang, Uma Bakah Apau Kayon dan kawasan sekitar Belaga yang telah membantu menjayakan pemerhatian lapangan serta memberikan pemahaman yang lebih dekat terhadap perubahan dan kesinambungan identiti budaya Kenyah.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Campbell, Y. M., Jerome, C., Gedat, R. & Maliki, J. (2024). Narrative Analysis of Orang Ulu Heirlooms: Uncovering Their Cultural and Historical Significance. *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences*. Vol. 6 (3): 722-734.

Dong, M., Sum, S. M., Othman, N. & Awang, A. H. (2024). Jangkaan Impak Pembinaan Empangan Hidroelektrik terhadap Komuniti Orang Asli. *Akademika.* Vol. 94 (1): 40-53.

GhostenWan, A. & Jaafar, S. R. S. (2020). Sistem Panggilan Kematian dalam Masyarakat Kenyah Badeng. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 17 (1): 135-151.

Harsanto, F. H. T. & Sampurno, S. R. L. A. (2019). Suku Kenyah di Desa Budaya Pampang, Kalimantan: Studi Kasus Perubahan Sosial Budaya Masyarakat Kenyah Tahun 1972-2015. *Bandar Maulana: Jurnal Sejarah dan Budaya.* Vol. 24 (1): 47-61.

Ho, P., Nor-Hisham, B. M. S. & Zhao, H. (2020). Limits of the Environmental Impact Assessment (EIA) in Malaysia: Dam Politics, Rent-Seeking, and Conflict. *Sustainability*. Vol. 12 (24): 1-16. Artikel 10467. https://doi.org/10.3390/su122410467

Lenjau, J. N. (2017). Tranformasi Sosial dalam Etnik Kenyah Sang di Long San, Baram, Sarawak. *Journal of Borneo-Kalimantan*. Vol. 3 (2): 62-72. https://doi.org/10.33736/jbk.627.2017

Liau, J. (2025). Tradisi dan Penggunaan Mantera dalam Etnik Kenyah. *Journal of Borneo-Kalimantan.* Vol. 11 (1): 9-27. https://doi.org/10.33736/jbk.9591.2025

Lumenta, D. (2011). Moving in a Hierarchized Landscape: Changing Border Regimes in Central Kalimantan. Wacana: *Journal of the Humanities of Indonesia*. Vol. 13 (1): 121-145.

Lumenta, D. (2017). The Political Economy of Ending Headhunting in Central Borneo: Inter-colonial and Kenyah Perspectives on the 1924 Kapit Peacemaking Agreement and Its Aftermath. *Modern Asian Studies.* Vol. 51 (4): 1070-1098.

Padri, L. P. & Ramli, H. (2021). Ragam Hias Kalong dalam Senibina Masyarakat Orang Ulu di Sarawak. Journal of Humanities and Social Sciences. Vol. 3 (3): 136-143.

Schiller, A. (2007). Activism and Identities in an East Kalimantan Dayak Organization. The Journal of Asian Studies. Vol. 66 (1): 63-95.

Smith, J. A. & Smith, K. J. (2017). Indigenous Language Development in East Malaysia. *International Journal of the Sociology of Language*. vol. 2017, no. 244: 119-135. https://doi.org/10.1515/ijsl-2016-0059

Tan, C. B. (2016). It Is Easy When You Are a Christian: Badeng Kenyah Conversion to Christianity. *Cultural and Religious Studies*. Vol. 4 4 (4): 54-272.

Sumber Lisan

Ayon Dato. Sang Anau Long Bulan, Sarawak. Temu bual, 2025.
Echan Bilong. Sang Anau Long Bulan, Sarawak. Temu bual mengenai tatu dan tradisi telinga panjang Kenyah, 2025.
Emmy Ngang. Uma Bakah Apau Kayon, Sarawak. Temu bual mengenai budaya Kenyah, 2025.
Eyommos Ngang. Sang Anau Long Bulan, Sarawak. Temu bual mengenai adat dan budaya Kenyah, 2025.
Omri Sarimanus. Uma Baha Sang Anau, Sarawak. Temu bual mengenai pendidikan dan penggunaan bahasa.
Robinso Oso. Long Busang, Sarawak. Temu bual mengenai perubahan budaya Kenyah, 2025.